

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM
NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**MAJLIS PENYEMPURNAAN PELABELAN
ASEAN NCAP DAN OPERASI
BERSEPADU INTER-AGENSI 2019**

TALKING POINTS
YB TIMBALAN MENTERI

MAJLIS PENYEMPURNAAN PELABELAN ASEAN NCAP

1. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesyorkan supaya semua penjual kenderaan penumpang terutama di pusat-pusat jualan mematuhi standard keselamatan pengguna dengan mematuhi Garis Panduan Pematuhan Pelabelan ASEAN NCAP. Garis Panduan ini akan berkuatkuasa mulai 1 Mac 2019.
2. Garis panduan ini sebenarnya memberi manfaat kepada penjual kenderaan dan juga kepada pengguna. Penjual kenderaan akan meningkatkan tahap keselamatan pada kenderaan mereka dan berusaha untuk mendapatkan *rating* tertinggi ASEAN NCAP bagi memenuhi keperluan keselamatan pengguna manakala pengguna pula sudah tentu akan memilih kenderaan yang mengutamakan aspek keselamatan dan *rating* terbaik ASEAN NCAP sebelum mereka membuat keputusan untuk mendapatkan kenderaan berkenaan.
3. Dalam garis panduan ini, penjual kenderaan hendaklah mempamerkan pelekat pada cermin hadapan dan cermin tepi kenderaan di mana-mana pusat jualan atau pameran kereta. Kenderaan yang tidak melalui ujian perlanggaran oleh ASEAN NCAP, penjual kenderaan berkenaan juga diminta menampalkan pelekat label ASEAN NCAP pada cermin depan dan cermin tepi kenderaan di mana keputusan taraf bintang tidak dicatatkan apa-apa kerana kenderaan mereka tidak melalui ujian perlanggaran ASEAN NCAP. Oleh yang demikian, pengguna boleh membuat pilihan yang mana kenderaan yang selamat dengan yang mana belum pasti selamat kerana tidak mendapat penarafan bintang oleh ASEAN NCAP. Garis panduan dan pelekat pelabelan ASEAN NCAP ini terpakai kepada kenderaan penumpang yang baru sahaja.
4. Walaupun garis panduan belum lagi dimandatorikan tetapi bagi mana-mana penjual kenderaan yang tidak mendapat kelulusan ujian perlanggaran ASEAN NCAP, sekiranya mereka melekatkan pada kenderaan untuk dijual dengan pengesahan label yang tidak diluluskan oleh ASEAN NCAP maka mereka boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 5, Akta Perihal

Dagangan 2011 dan jika sabit kesalahan boleh didenda RM100,000.00 bagi orang persendirian atau RM250,000.00 bagi syarikat atau penjara tidak melebihi tiga tahun kerana telah melabelkan pernyataan palsu yang boleh memperdayakan pengguna.

5. Garis panduan ini sebagai satu persiapan awal oleh semua penjual kenderaan untuk mematuhi syarat pelabelan ASEAN NCAP yang akan dimandatorikan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 pada Mac 2020. Jika penjual kenderaan masih gagal mematuhi syarat mandatori selepas tarikh itu maka tindakan boleh dikenakan kerana gagal mematuhi pelabelan ASEAN NCAP.
6. KPDNHEP amat mengambil berat dari segi keselamatan pengguna jadi adalah dinasihatkan kepada semua pengguna yang ingin membeli kenderaan baru supaya membiasakan diri meneliti dan memilih kenderaan yang mengutamakan ciri-ciri keselamatan dan penarafan lima bintang ASEAN NCAP sebelum keputusan dibuat.

OPERASI BERSEPADU INTER-AGENSI

7. Operasi Bersepadu Inter-Ageni ini diadakan bertujuan untuk memantau dan meningkatkan tahap pematuhan industri terhadap perundangan yang berkuatkuasa, sekaligus meningkatkan perlindungan pengguna terutama bagi barangan yang dikawal selia.
8. Operasi ini melibatkan kedai-kedai yang menjual barangan seperti tayar dan *sparepart* kenderaan penumpang serta bateri primer dan barangan mainan. Barangan tersebut merupakan antara barangan kepenggunaan yang dikawal selia oleh KPDNHEP, dan menjadi tanggungjawab dan kepentingan KPDNHEP untuk sentiasa memantau barangan tersebut di kedai-kedai, pasaraya dan sebagainya supaya sentiasa mematuhi setiap standard atau piawaian yang telah ditetapkan. Hanya penandaan atau pelabelan yang disahkan oleh KPDNHEP dan badan-badan akreditasi tertentu harus

dipaparkan melalui punca kuasa perundangan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 dan hal ini dapat memastikan dan menjamin keselamatan pengguna dilindungi melalui Akta Perlindungan Pengguna 1999.

9. Sebagai contoh, barangan seperti tayar kenderaan penumpang hendaklah mempunyai penandaan MS (*Malaysian Standard*), DOT, 'E' dan paras amaran botak/haus manakala *sparepart* kenderaan penumpang seperti *brake pad* haruslah mempunyai penandaan seperti MS dan 'E'. Begitu juga dengan bateri primer dan mainan, barangan seperti ini hendaklah mempunyai tanda pematuhan keselamatan iaitu MC mark (*Malaysian Conformity*). Tanda dan pelabelan pematuhan yang disebutkan tadi menunjukkan bahawa barangan-barangan tersebut mematuhi dan menepati standard yang telah ditetapkan dan dijamin berkualiti dan selamat untuk pengguna.
10. Justeru, industri, pengeluar-pengeluar barangan serta kedai-kedai yang menjual barangan tersebut hendaklah memastikan setiap barangan mempunyai tanda pematuhan keselamatan yang mengikut setiap standard yang ditetapkan untuk menjamin kualiti barangan dan paling penting, memastikan keselamatan pengguna terpelihara.